

28 MAR 1998

MAHATHIR TIBA UNTUK MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO JELI

KOTA BAHARU, 28 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini tiba untuk merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Jeli, di Jeli, kira-kira 90 km dari sini.

Beliau yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, tiba dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa pada pukul 8.45 pagi, selepas itu menaiki sebuah helikopter menuju ke Jeli.

Dr Mahathir akan merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Jeli di Kompleks Umno Bukit Nangka, Jeli pada pukul 9.30 pagi dan merasmikan pembukaan kompleks itu pada pukul 11.40 pagi.

Manakala Dr Siti Hasmah pula merasmikan Dewan Badminton di Kompleks berkenaan, pada masa yang sama.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah akan berlepas dengan helikopter ke Grik pada pukul 12.30 tengah hari. -- BERNAMA

ZI WAT